



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTIS BIL. 1/2018

PENGUATKUASAAN TAHAP PERKHIDMATAN DEPOH KONTENA KOSONG (ON-DOCK DEPOT) DI WESTPORTS & NORTHPORT, PELABUHAN KLANG

1. Pihak Lembaga Pelabuhan Kelang telah melaksanakan *Haulier Depot Booking System* (HDBS) (<http://hdbs.privasia.com/depot/hdbs.App/App.html>) untuk mengambil / menghantar kontena kosong dari / ke 'On-Dock Depot' pada tahun 2015 bagi meningkatkan prestasi tahap perkhidmatan.

Namun, pihak Lembaga mendapati kebanyakan Syarikat Haulier masih gagal membuat tempahan dan mengambil / menghantar kontena kosong dalam tempoh masa *window* yang ditetapkan di mana ia telah menjurus kepada ketidak cekapan Operator ODD. Syarikat Haulier yang membuat tempahan serta mengambil / menghantar kontena kosong dalam tempoh masa *window* yang ditetapkan masih mengadu bahawa tahap perkhidmatan ODD tidak memuaskan. Ini adalah kerana Haulier tanpa tempahan juga dibenarkan untuk mengambil / menghantar kontena kosong di ODD pada masa yang sama.

Sehubungan dengan ini, Jawatankuasa Pemandu Operasi Pelabuhan Klang yang bermesyuarat pada 9 Januari 2018 telah memutuskan untuk melaksanakan tempahan melalui *booking system* serta mengambil / menghantar Kontena dalam tempoh masa *window*. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kelancaran operasi mengambil (pick-up) / menghantar (drop-off) kontena kosong di ODD dan bagi mengurangkan tempoh menunggu Pemandu Haulier di ODD.

2. **Tempahan** dan **tempoh masa window** bagi mengambil / menghantar kontena kosong di ODD akan dilaksanakan seperti berikut:

- i. Pihak Haulier diwajibkan untuk membuat tempahan melalui HDBS (<http://hdbs.privasia.com/depot/hdbs.App/App.html>) bagi transaksi tunggal (single transaction) mahupun transaksi berganda (double transaction) di Terminal Pelabuhan.
- ii. Tempahan melalui HDBS boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum mengambil / menghantar kontena kosong dari / ke ODD berkenaan sekiranya slot masih kosong dan diterima (accepted) oleh Operator ODD. Waktu operasi ODD dan waktu tempahan terakhir oleh pihak Haulier untuk mengambil / menghantar kontena kosong di ODD adalah seperti berikut:

Hari	Waktu Operasi ODD	Tempahan Terakhir Oleh Pihak Haulier
Isnin hingga Sabtu	8.00 pagi – 4.00 pagi (hari berikutnya)	2.00 pagi
Ahad / Cuti Umum	8.00 pagi – 4.00 petang	2.00 petang

- iii. Jumlah tempahan bagi setiap slot (1 slot bersamaan 1 jam) akan diperuntukkan berdasarkan kapasiti ODD. Contoh: 1 slot – 30 tempahan.
- iv. Pihak ODD diberi masa selama 30 minit untuk membuat pengesahan tempahan dan memberikan maklum balas kepada pihak haulier sama ada tempahan itu diterima (accepted) ataupun ditolak (rejected). Sekiranya gagal, sistem akan menerima (accept) tempahan tersebut secara automatik.
- v. Syarikat Haulier dan Pemandu Haulier perlu memastikan pihak ODD telah memproses tempahan (booking accepted / rejected) yang dibuat oleh pihak Haulier. Terutamanya Pemandu Haulier dinasihatkan untuk mendapatkan nombor tempahan (booking number) daripada Syarikat Haulier masing-masing sebelum masuk ke dalam pelabuhan.

- vi. Tempoh masa (window) untuk mengambil / menghantar kontena kosong di ODD adalah **3 jam iaitu termasuk sejam sebelum / selepas waktu tempahan.**

Contoh:	Tempahan slot	2 – 3 p.m.
	Window	1 – 4 p.m.

- vii. Sekiranya pihak Haulier tidak dapat mengambil / menghantar kontena kosong dalam tempoh masa tempahan maka pihak Haulier diminta untuk membatalkan tempahan tersebut sebelum tempoh masa tempahan supaya Haulier lain boleh menggunakan slot tersebut. Tempahan akan dibatalkan secara automatik selepas tempoh masa *window* dan tempahan baru perlu dibuat oleh Syarikat Haulier.
- viii. Jika didapati tiada slot untuk ditempah, pihak Haulier dinasihati untuk menghubungi Ejen Perkapalan melalui Ejen Penghantaran (Forwarding Agent) supaya boleh mengambil / menghantar kontena kosong tersebut dari / ke depoh lain (Depoh Alternatif).
- ix. Sekiranya pihak Haulier gagal membuat tempahan bagi mengambil / menghantar kontena kosong maka pihak Operator Terminal tidak akan membenarkan Haulier tersebut untuk masuk ke dalam pelabuhan.
3. Depoh kontena kosong di dalam pelabuhan (ODD) perlu mematuhi tahap perkhidmatan yang ditetapkan oleh Lembaga iaitu 'Haulier Turn Around Time' di dalam ODD tidak lebih daripada 45 minit (Depot Gate in/out time < 45 minutes).
4. Ujian Rintis (Pilot Run) akan bermula pada **1 March 2018**. Tempahan dan mengambil / menghantar kontena kosong dalam tempoh masa window akan dilaksanakan secara mandatori mulai **1 Mei 2018**.
5. Semua pihak yang berkaitan dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan ini. Sekiranya gagal, Pihak Lembaga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang berkenaan.

6. Pihak Lembaga mahupun Operator Terminal tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kos berkaitan kegagalan pematuhan peraturan ini.
7. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Jabatan Pusat Sehenti, Lembaga Pelabuhan Kelang di talian 03-31688211 samb. 2040 / 2039 / 2038 / 2037 / 2036 atau e-mel kepada onestopagency@pka.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Kapt. K. Subramaniam
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

14 Februari 2018